

13 DEC 1998

Mahathir-Boneka

DR MAHATHIR INGATKAN RAKYAT DAKYAH KUASA ASING

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat tentang bahaya dakyah dan helah kuasa asing mencari boneka di kalangan orang tempatan untuk menjajah negara ini.

Perdana Menteri berkata apabila kuasa asing sudah mengenalpasti boneka ini, mereka menggunakan kelemahan yang ada padanya (boneka) bagi menguasainya di samping menggunakan pelbagai cara untuk menentukan boneka itu mengikut telunjuk mereka.

"Oleh itu layanan yang istimewa diberi kepada boneka, didikan tertentu diusahakan sehingga ia dan kroninya dapat menyuara segala kehendak mereka. Akhirnya mereka berharap boneka ini akan mengambil tempat sebagai pemimpin negara dan mengikut telunjuk mereka," katanya pada perhimpunan agung khas Umno di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata apabila ini berlaku secara tidak langsung penjajahan negara sudah berlaku.

"Apabila boneka yang telah mereka bela begitu lama tiba-tiba hilang kemungkinan menjadi pemimpin negara, maka kemarahan dalang asing ini tidak boleh dikawal lagi lalu mereka memberi sokongan terbuka kepada percubaan boneka mereka untuk melumpuhkan kaum yang menjadi teras pemerintahan negara.

"Inilah yang sedang berlaku. Ternampak jelas bahawa usaha untuk menjajah negara sudahpun dibuat," katanya.

Bagaimanapun, katanya, kali ini ia (kuasa asing) gagal tetapi tidak ada jaminan bahawa percubaan tidak akan dibuat lagi.

Katanya, kuasa asing mahu negara-negara yang baru muncul daripada bekas tanah jajahannya termasuk Malaysia terus tunduk kepada mereka yang tidak senang dengan kejayaan negara-negara bekas tanah jajahan mereka.

Di Malaysia, katanya, kuasa asing amat jelas mahu melumpuh dan memperkosa negara ini dengan memecah dan melumpuhkan orang Melayu dengan pelbagai cara.

"Cara untuk melumpuhkan orang Melayu ada banyak. Awal-awal lagi orang Melayu dipecahkan dengan penggunaan agama oleh orang yang berkepentingan. Atas nama Islam orang Melayu bermusuh dengan orang Melayu.

"Tetapi berkat perpaduan majoriti Melayu dalam Umno, penyalahgunaan agama oleh pihak tertentu tidak dapat melumpuhkan orang Melayu," katanya.

Namun bibit-bibit perpecahan terus berada dalam masyarakat Melayu di Malaysia dan ia menunggu sahaja isu atau peluang untuk berkembang di celah-celah keretakan yang berada dalam Umno sendiri, kata beliau.

"Pihak kuasa asing sedar akan hakikat ini dan mereka mencari boneka yang berwibawa," katanya.

"Malaysia bukan kuat malah ia sebuah negara kecil dengan penduduk berbilang kaum. Antara penduduk ini terdapat kaum Bumiputera yang majoritinya orang Melayu yang menjadi teras kewibawaan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata kunci kepada jaya atau tidaknya percubaan kuasa asing untuk menjajah semula negara tercinta masih ada di tangan ahli-ahli Umno kerana selagi parti pukal dan tumpat, selagi perpaduan Umno tidak dapat dipecah, selama itulah percubaan oleh kuasa asing untuk melumpuh dan menakluk semula negara ini akan gagal.

Katanya, kuasa asing akan menafikan yang mereka mempunyai rancangan untuk menyekat kemajuan negara-negara timur.

Bagaimanapun, katanya, semua tahu daripada sejarah kegiatan kuasa asing di Asia dan wilayah-wilayah lain bahawa mereka memang mempunyai konspirasi

untuk menentukan mereka terus mendominasi dunia ataupun sekurang-kurangnya mematah kemungkinan mereka dicabar.

Dr Mahathir berkata daripada sejarah yang dibukukan oleh seorang penulis Amerika sendiri kegiatan menjatuhkan pemimpin-pemimpin negara-negara baru merdeka dilakukan di Indonesia, Vietnam, Kemboja dan di beberapa negara lain.

Katanya, tidak ada negara yang dibenar aman dan maju melainkan yang pemimpinnya boleh diperalat dan dijadikan boneka mereka.

Menurutnya, walaupun kuasa asing mendakwa tidak mahu campur tangan dalam urusan wilayah-wilayah yang telah dibebaskan, namun secara tersembunyi mereka cuba melemahkan negara-negara itu dengan mencuba memecah-belahkan rakyat dan wilayah supaya negara-negara ini tidak dapat diperintah dengan baik dan jayanya.

"Apabila sahaja ada rusuhan dan perang saudara maka mereka bukan sahaja akan membekalkan senjata kepada pihak tertentu bahkan mereka sanggup menjadi askar upahan kepada pihak-pihak yang merebut kuasa," katanya.

Dr Mahathir berkata tujuan mereka ialah supaya pemerintah negara yang baru merdeka itu menjadi lemah dan dapat diperalatkan oleh mereka.

Katanya kebanyakan negara-negara merdeka dan berjaya itu ialah di Asia Timur yang pertumbuhan dan kejayaan ekonomi menjadi cabaran besar kepada bekas penjajah.

Dr Mahathir berkata walaupun yang memerintah mendirikan kerajaan kuku besi, mereka (bekas penjajah) sedia membantu asalkan memihak kepada mereka dan memberi mereka peluang untuk mengeksploitasi kejayaan negara berkenaan.

Secara tidak langsung penjajahan oleh mereka dikekalkan, katanya.

Walaupun pada mulanya masyarakat dunia berpendapat bahawa tidak ada siapa yang berhak campur tangan dalam urusan dalaman negara yang merdeka, kuasa-kuasa barat berjaya menyakinkan dunia bahawa untuk mengawasi dan mencegah pencabulan hak asasi manusia, mereka berhak campur tangan dalam urusan rumahtangga negara-negara mana yang mereka suka.

Katanya, dalam dakwaan ini, maka jentera propaganda mereka mula membuat tuduhan-tuduhan kononnya ada pencabulan hak asasi manusia di sana sini.

"Demikianlah keangkuhan mereka sehingga mereka sanggup menyerang negara-negara kecil secara langsung dan menangkap pemimpin, seperti seorang presiden sebuah negara Amerika Latin, untuk dibawa ke negara mereka dan dibicarakan mengikut undang-undang mereka," katanya.

"Perbuatan ini yang amat bertentangan dengan undang-undang antarabangsa tidak sedikitpun dihiraukan oleh mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam dunia unipolar, dunia yang dikuasai oleh hanya satu blok sahaja, tidak ada pilihan bagi mana-mana negara menyebarkan ke blok yang lain.

Malangnya, jika negara tunduk kepada kuasa tunggal, penindasan akan berlaku dan kemajuan disekat, katanya.

Beliau berkata penjajahan atau kolonialisme masih hidup dan akan terus hidup walaupun dalam zaman maklumat alaf baru.

-- BERNAMA

ARA AKD